

31/08/1999

Pendidikan Islam dirombak

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

JITRA, Isnin - Perdana Menteri memberikan beberapa garis panduan kepada Kementerian Pendidikan untuk merombak sukatan pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah bagi memperbaiki kelemahannya.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata garis panduan itu mampu meningkatkan mutu dan keberkesanan mata pelajaran terbabit dalam membentuk pelajar bersahsiah tinggi.

Menurutnya, kajian terhadap keperluan rombakan dilaksanakan sejak beberapa bulan lalu dan dijangka disiapkan dalam tempoh beberapa bulan lagi.

Beliau berkata, antara lain, rombakan itu akan turut membabitkan pandangan daripada pelbagai pihak, termasuk ibu bapa, pihak berkuasa dalam bidang agama dan pentadbir sekolah agama.

"Kami sedar sistem sekarang mempunyai beberapa kelemahan walaupun secara keseluruhannya ia terbukti mampu berfungsi untuk memberikan pendidikan agama dengan baik.

"Sistem sedia ada tidak memberi penekanan terhadap aspek praktikal dan kefahaman sebenar mengenai Islam," katanya selepas majlis perasmian tapak pembinaan Pusat Ilmu Pulau Pisang, di Kampung Pulau Pisang, Tunjang dekat sini hari ini.

Majlis itu disempurnakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Rombakan mata pelajaran Pendidikan Islam ini mampu memuaskan semua pihak. Tidak perlu kita memberikan pilihan kepada pelajar mata pelajaran mana yang hendak mereka pilih," katanya.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan Dr Mahathir ketika merasmikan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Darulaman, dekat sini sebelum program di kampung berkenaan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, ada sesetengah guru mengambil kesempatan mempengaruhi pelajar bagi tujuan politik pembangkang yang mengakibatkan ada ibu bapa meminta supaya anak mereka belajar mata pelajaran Pendidikan Moral yang khusus untuk pelajar bukan Islam kerana bimbang dengan kegiatan guru terbabit.

(END)